



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
USAHAWAN DAN KOPERASI

MINISTRY OF ENTREPRENEUR DEVELOPMENT AND COOPERATIVES

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA  
(AGENSI DI BAWAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI)**



**PELUANG KERJAYA DI SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**

Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Suruhanjaya) merupakan sebuah Badan Berkanun Persekutuan yang mula beroperasi sepenuhnya pada 1 Januari 2008, mempelawa semua warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan bagi mengisi kekosongan jawatan di Suruhanjaya seperti berikut:

Jawatan	:	Pembantu Ehwal Ekonomi
Gred Jawatan	:	E19
Kumpulan Perkhidmatan	:	Pelaksana
Klasifikasi Perkhidmatan	:	Ekonomi
Jadual Gaji	:	RM1,353.00 – RM4,005.00 ( <i>Contract of Service</i> )
Syarat Lantikan	:	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:<ol style="list-style-type: none"><li>(a) warganegara Malaysia;</li><li>(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan</li><li>(c)<ol style="list-style-type: none"><li>(i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau</li><li>(ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan; atau</li><li>(iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf dengannya; atau</li><li>(iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf dengannya.</li></ol></li></ol></li></ol>

**SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Taraf Jawatan	:	<b>KONTRAK</b>
Penaklukan Di Bawah Syarat-Syarat Skim Perkhidmatan	:	Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
Fungsi Bidang Tugas	:	Membantu melaksanakan penguatkuasaan Undang-undang Koperasi, menggalakkan penubuhan koperasi, menguruskan perihal pendaftaran koperasi dan pindaan Undang-undang Kecil, menghadiri mesyuarat-mesyuarat Lembaga dan Tahunan Koperasi, melaksanakan program-program pengembangan dan penggalakan dan membantu pegawai mengawas pelaksanaan kuasa Suruhanjaya. Memberi khidmat bimbingan kepada koperasi dalam perkara-perkara pengurusan dan projek perniagaannya.
Tarikh Tutup Permohonan	:	<b>27 September 2022</b>